

GARIS PANDUAN SEBELUM PENYEDIAAN JADUAL PEMERIKSAAN DI DALAM SPWTD

1. Mengumpulkan maklumat syarikat/ firma bagi tujuan pemeriksaan WTD dari sumber:
 - a) Maklumat Induk SPWTD;
 - b) Google;
 - c) Yellow Pages;
 - d) Laman web syarikat/firma; atau
 - e) Mana-mana sumber yang dirasakan sesuai.
2. Membuat semakan sama ada syarikat/firma berkenaan pernah diperiksa ataupun tidak dalam tempoh 5 tahun atau tempoh yang bersesuaian mengikut negeri.
3. Menghubungi syarikat/firma melalui telefon bagi tujuan;
 - a) Mendapatkan maklumat syarikat/ firma yang tidak lengkap seperti alamat, emel dan sebagainya;
 - b) Mengesahkan semula maklumat-maklumat yang telah diperolehi daripada sumber-sumber di para 1;
 - c) Mendapatkan maklumat pegawai untuk berurusan bagi tujuan pemeriksaan WTD;
 - d) Mendapatkan maklumat ringkas sama ada syarikat/firma mengetahui tentang Akta WTD;
 - e) Mendapatkan maklumat ringkas sekiranya syarikat/firma pernah membuat serahan WTD kepada JANM.
4. Maklumkan tarikh cadangan pemeriksaan WTD kepada syarikat/firma dan terangkan proses pemeriksaan.
5. Jika syarikat setuju dengan cadangan tarikh, terus ke proses jana simulasi di SPWTD untuk tujuan penjanaan jadual.
6. Untuk proses jana simulasi di SPWTD, rujuk Manual Pengguna SPWTD.